



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	23/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPNK			

'Mat Jan' disyaki terbabit aktiviti pembalakan haram

BH, 23 Ogos
2021_18

Suspek dipercayai upah lelaki lain tebang balak di Hutan Simpan Gunung Inas

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Jabatan Perhutanan Kedah (JPNK) sedang mengesan seorang lelaki dikenali 'Mat Jan' kerana disyaki terbabit aktiviti pembalakan haram di Kompartmen 4, Hutan Simpan Gunung Inas, Baling membabitkan kerugian RM300,000, sejak seminggu lalu.

Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, Muhamad Abdullah, ber-

kata lelaki berasal dari Kupang, Baling itu dipercayai mengupah beberapa lelaki lain bagi menebang pokok balak di kawasan hutan seluas lima hektar itu.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mendapat maklumat awam pada jam 11 pagi kelmarin, sebelum pasukan bertugas mengesan terdapat kegiatan pembalakan haram di kawasan terbabit pada jam 2 petang.

"Apabila tiba di lokasi terdapat

dua lelaki berusia 40-an sedang menebang pokok dan menarik kayu dalam hutan simpan, namun mereka melarikan diri ke hutan.

"Mereka turut disyaki membina jalan sepanjang dua kilometer (km) untuk memindahkan balak pada waktu malam dan awal pagi bagi mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Muhamad berkata, hasil peng-

geledahan pihaknya menemui kesan tebangan pokok, jentolak, mesin gergaji, motosikal serta tujuh batang balak yang baru ditebang antaranya jenis balau, gerutu, merbau, pulai dan medang.

Sebuah jengkaut turut ditemui di ladang sawit berhampiran berikutan terdapat kesan laluan ke lokasi pembalakan.

"Daripada maklumat awam, kerja pembalakan haram ini dilakukan individu tempatan dikenali sebagai 'Mat Jan'. Kita masih menyiasat sama ada kegiatan ini membabitkan sindiket atau persendirian.

"Satu laporan polis sudah dibuat di Balai Polis Kupang untuk siasatan dan tindakan lanjut oleh JPNK," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara 1984 yang jika sabit kesalahan boleh didenda hingga RM500,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun.

“ Mereka turut disyaki membina jalan sepanjang dua kilometer (km) untuk memindahkan balak pada waktu malam dan awal pagi bagi mengelak dikesan pihak berkuasa ”

Muhamad Abdullah,
Pengarah Perhutanan Negeri Kedah

